

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TEMPOH PEMBUKAAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP
26 / 2014	Sebutharga Bil. 26 / 2014: Perkhidmatan Menyediakan Tempat Penganjuran Bagi Malaysian Brand Forum 2014	222501	3/9/2014 hingga 10/9/2014	10/9/2014 12.00 tengah hari

2. Pembekal yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang baru dan peraturan baru pendaftaran mulai 17 Jun 2012. Penguatkuasaan ini dikenakan ke atas semua syarikat dan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Sila rujuk laman web rasmi ePerolehan di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) untuk maklumat lanjut.
3. Dimaklumkan juga bahawa Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di dalam laman sesawang SME Corp. Malaysia. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
4. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen seperti mana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga.
5. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebutharga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Aras 5, SME 1, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur**

6. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
7. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. SME Corp. Malaysia telah melaksanakan perolehan secara elektronik (ePerolehan) mulai Januari 2011. Dalam hal ini, pembekal adalah diminta untuk membuat pendaftaran syarikat secara percuma di laman web: [www.sennego.com](http://www.sennego.com). Sila hubungi pusat khidmat pelanggan commerce dot com di talian 03-7787 9734/9728 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.